



## SIARAN AKHBAR

### PENGEMASKINIAN KE ATAS LANGKAH-LANGKAH INTERIM BAGI SEKTOR PERBANKAN

---

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan bahawa sektor perbankan telah melanjutkan pengecualian yuran dan caj (kecuali caj pihak ketiga) bagi pemindahan wang antara bank-bank domestik secara atas talian (*online*) melalui sistem Real Time Gross Settlement (RTGS) dan sistem Automated Clearing House (ACH) selama tempoh 6 bulan, sehingga 31 Disember 2022 bagi semua pelanggan bank-bank. Pelanjutan pengecualian tersebut akan dapat menyokong sektor perniagaan dan individu beralih kepada norma baharu disebabkan oleh COVID-19.
2. Pengecualian tersebut telah mula diperkenalkan sejak 1 April 2020 sebagai salah satu daripada langkah-langkah interim sektor perbankan untuk menangani impak COVID-19. Pengecualian tersebut juga bertujuan untuk menggalakkan penjarakan sosial dengan mempromosikan penggunaan platform pembayaran digital yang ditawarkan oleh bank-bank dan perkhidmatan pembayaran digital yang lain.
3. Di samping itu, selepas 30 Jun 2022, BDCB tidak lagi akan memberikan kelonggaran terhadap beberapa peraturan perbankan kepada bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan. Kelonggaran tersebut, yang telah diberikan sejak 1 April 2020, berperanan untuk membantu sektor perbankan untuk menghulurkan bantuan sementara dengan cekap kepada peniaga-peniaga dan individu-individu yang terkesan semasa permulaan pandemik COVID-19. Mulai 1 Julai 2022, sebarang bantuan dari sektor perbankan adalah tertakluk kepada budi bicara bank dan syarikat kewangan masing-masing.
4. Negara Brunei Darussalam telah dikurniakan nikmat untuk dapat kembali kepada kehidupan sebelumnya dengan penerapan norma baharu dalam kehidupan seharian. Para peniaga dan individu yang telah mendapat bantuan sementara daripada bank atau syarikat kewangan adalah dinasihatkan untuk terus berhubung dengan bank atau syarikat kewangan masing-masing. Peminjam yang boleh meneruskan pembayaran balik secara normal dinasihatkan untuk menguruskannya dengan sedemikian bagi mengelakkan pengumpulan hutang yang tidak diingini. Peminjam yang masih terkesan dari segi kewangan adalah dinasihatkan untuk menghubungi bank atau syarikat kewangan masing-masing untuk mencari penyelesaian pembayaran balik alternatif secepat mungkin.
5. BDCB ingin mengongsikan bahawa sektor perbankan di Negara Brunei Darussalam adalah kekal berdaya tahan, kukuh dan mempunyai dana modal yang mencukupi. BDCB akan terus memantau kedayatahan sektor perbankan, dan bersedia untuk mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menjaga kestabilan sektor kewangan negara.

6. Untuk maklumat lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi bank-bank atau syarikat-syarikat kewangan mereka masing-masing, atau hubungi BDCB di talian 8318388 atau emel [info@bdcg.gov.bn](mailto:info@bdcg.gov.bn).

**Brunei Darussalam Central Bank**

Tarikh: 7 Zulhijjah 1443H / 7 Julai 2022M

Ruj: BDCB/COMMS/3